

VASOTEN F.C. TABLETS 5MG

Bisoprolol fumarate

Apa kandungan risalah ini

1. Apakah kegunaan Vasoten F.C. Tablets 5mg
2. Bagaimana Vasoten F.C. Tablets berfungsi
3. Sebelum anda mengambil Vasoten F.C. Tablets 5mg
4. Cara mengambil Vasoten F.C. Tablets 5mg
5. Semasa anda mengambil Vasoten F.C. Tablets 5mg
6. Kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Vasoten F.C. Tablets 5mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh Kemaskini

Apakah kegunaan Vasoten F.C. Tablets 5mg

Nama ubat anda ialah Vasoten F.C. Tablet 5mg. Ia mengandungi bahan aktif, *Bisoprolol fumarate*.

Ubat ini digunakan untuk pengurusan tekanan darah tinggi dan angina pektoris.

Bagaimana Vasoten F.C. Tablets berfungsi

Bisoprolol diambil bersama atau tanpa bersama dengan ubat-ubatan lain untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi).

Ubat ini tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai pencegah beta (*beta blockers*). Ia berfungsi dengan menyekat tindakan sesetengah bahan kimia semula jadi yang terkandung dalam badan anda seperti adrenalina di jantung dan saluran darah. Kesan ini mengurangkan kadar jantung, tekanan darah, dan tekanan jantung.

Sebelum anda mengambil Vasoten F.C. Tablets 5mg

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda pernah mempunyai reaksi alahan terhadap *bisoprolol* atau mana-mana jenis ubat penghalang beta (seperti atenolol, metoprolol, propranolol, Corgard®, Inderal®,

Lopressor®, Tenormin®, atau Toprol®), atau jika anda mempunyai masalah jantung tertentu. Berbincang dengan doktor anda untuk mengetahui apakah masalah jantung itu.

Sebelum anda mula mengambilnya

Sila berbincang dengan doktor anda jika anda mempunyai:

- Kencing manis
- Puasa yang ketat
- Terapi *desensitisation* berterusan
- Masalah jantung
- Sejarah psoriasis
- Thyrotoxicosis
- Penyakit peredaran periferi
- Alahan
- Anestesia
- Tumor kelenjar adrenal
- Mengandung
- Menyusu bayi

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Kombinasi berikut hendaklah digunakan dengan berhati-hati:

- Ubat-ubatan yang dapat menurunkan tekanan darah
- Ubat-ubatan untuk rawatan penyakit jantung
- Topikal penghalang B (contohnya mata titis untuk rawatan glaukoma)
- Insulin / ejen antidiabetec
- Ejen anestetik
- NSAIDS

Cara mengambil Vasoten F.C. Tablets 5mg

Berapa banyak harus diambil

Biasanya dos permulaan ialah 5 mg bisoprolol (1 pil Vasoten 5 mg) sekali sehari. Jika perlu, dos boleh ditambah sehingga 10 mg bisoprolol (2 pil Vasoten 5 mg) sekali sehari.

Rawatan tekanan darah tinggi atau sakit dada

Dos maksimum yang dicadangkan ialah 20 mg bisoprolol sekali sehari.

Rawatan kegagalan jantung kronik yang stabil

Rawatan kegagalan jantung kronik yang stabil dengan bisoprolol dimulakan mengikut skim titratan, penyesuaian individu mungkin diperlukan bergantung kepada setakat mana individu itu bertoleransi dengan setiap dos, iaitu dos hanya akan ditambah jika dos sebelumnya bertoleransi dengan baik.

Rawatan harus bermula dengan 1.25 mg bisoprolol, pesakit perlu dipantau sepanjang tempoh kira-kira 4 jam (terutamanya berkaitan dengan tekanan darah, kadar jantung, gangguan konduksi, tandatanda kegagalan jantung menjadi lebih buruk).

Vasoten 5 mg tidak sesuai untuk rawatan awal kegagalan jantung kronik yang stabil. Kekuatan yang lebih rendah tersedia untuk tujuan ini.

Semasa atau selepas fasa titratan, kemungkinan berlakunya kegagalan jantung yang lebih teruk secara sementara, pengekalan cecair, tekanan darah tinggi atau denyutan jantung yang perlakan.

Dalam kes ini dicadangkan terlebih dahulu mengurangkan dos bisoprolol. Bisoprolol diberhentikan hanya jika keadaan adalah jelas diperlukan, tetapi pemberian semula dan/atau titratan atas (*uptitration*) harus sentiasa dipertimbangkan apabila pesakit menjadi stabil lagi.

Dos maksimum yang dicadangkan ialah 10 mg bisoprolol sekali sehari. Pesakit harus dititratan dan dikekalkan pada dos ini melainkan jika terhalang oleh kesan-kesan buruk.

Dalam semua kes regimen dos diaraskan secara individu oleh doktor anda, dengan merujuk kepada kadar nadi dan kejayaan terapeutik.

Pemberian dos adalah berdasarkan keadaan kesihatan dan tindak balas

VASOTEN F.C. TABLETS 5MG

Bisoprolol fumarate

terhadap rawatan anda. Guna ubat ini secara teratur supaya mendapat manfaatnya.

Bila mengambilnya

Ubat ini diambil melalui mulut bersama atau tanpa makanan, biasanya ubat ini diambil sekali sehari atau mengikut arahan doktor anda.

Untuk membantu anda mengingat, mengambil ubat ini pada masa yang sama setiap hari.

Berapa lama ubat perlu diambil

Bagi rawatan tekanan darah tinggi, ia mungkin mengambil masa beberapa minggu sebelum anda mengesan manfaat penuh ubat ini. Adalah penting untuk terus mengambil ubat ini walaupun anda berasa sihat.

Tempoh rawatan bagi semua tanda-tanda

Rawatan dengan Vasoten 5 mg biasanya merupakan terapi jangka panjang.

Rawatan ini boleh diberhentikan jika perlu dan diberikan semula sebagaimana yang sesuai.

Jangan berhenti rawatan secara tiba-tiba atau mengubah dos yang dicadangkan tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu kerana mungkin mengakibatkan keadaan jantung menjadi lebih teruk. Khususnya pesakit yang mempunyai penyakit jantung iskemik, rawatan jangan dihentikan tiba-tiba. Jika perlu diberhentikan, dos dikurangkan secara beransur-ansur.

Jika anda terlupa mengambil ubat

Jika anda tertinggal satu dos, mengambil dos itu seberapa segera yang anda ingat. Jika ia hampir dengan masa mengambil dos seterusnya, maka abaikan dos yang terlupa dan meneruskan jadual dos biasa anda. Jangan menggandakan dos untuk mangganti dos yang terlupa.

Jika anda mengambil terlalu banyak (dos berlebihan)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa anda mengambil Vasoten F.C. Tablets 5mg

Perkara yang perlu lakukau

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil.

Beritahu semua doktor, doktor gigi, ahli farmasi dan pendidik diabetes yang terlibat dalam rawatan anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Kebanyakan orang yang mempunyai tekanan darah tinggi tidak merasa sakit. Beritahu doktor anda jika keadaan anda tidak menambah baik atau menjadi lebih teruk (misalnya, bacaan tekanan darah kekal tinggi atau meningkat).

Beritahu doktor anda sebelum anda menjalani bius / pembedahan.

Perkara yang anda tidak boleh lakukau

Jangan memberi ubat ini kepada orang lain, walaupun tanda-tanda mereka seolah-olah serupa dengan anda.

Jangan menggunakan ubat anda untuk merawat masalah lain melainkan jika doktor atau ahli farmasi memberitahu anda.

Jangan berhenti mengambil ubat anda, atau mengubah dos, tanpa mendapat kepastian daripada doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Mengandung dan penyusuan: Penyekat beta mengurangkan perfusi plasenta, yang mungkin menyebabkan neonat kurang matang atau penyerahan awal. Oleh kerana kebanyakan ubat

dikumuhkan dalam susu manusia, maka adalah tidak digalakkan untuk menyusu bayi semasa mengambil bisoprolol.

Kesan-sesan sampingan

Masalah kulit dan tisu subkutaneus: gatal-gatal, siram, ruam, *psoriasis* yang teruk, *alopecia*

Masalah jantung: masalah jantung menjadi semakin teruk, sakit dada, rasa kesejukan atau kebas di kaki, tekanan darah rendah

Gangguan sistem saraf: pening, sakit kepala

Gangguan mata: kekurangan aliran air mata, konjunktivitis

Penyakit telinga: masalah pendengaran

Masalah gastrousus: loya, muntah-muntah, cirit-birit, sembelit

Masalah otot dan tisu perantara: kelemahan otot dan kekejangan

Gangguan am: asthenia, keletihan

Jika anda mendapat kesan-sesan sampingan yang lain yang anda fikir adalah disebabkan oleh ubat ini, sila beritahu doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Vasoten F.C. Tablets 5mg

Penyimpanan

Menyimpan di tempat kurang daripada 30°C dan jauh daripada kanak-kanak. Pil Vasoten harus disimpan dalam bekas asal dan tidak patut dikeluarkan dari pek lepuh mereka sehingga anda perlu menggunakanannya.

VASOTEN F.C. TABLETS 5MG

Bisoprolol fumarate

Pelupusan

Tanya ahli farmasi, doktor atau pengamal kesihatan tentang cara terbaik untuk membuang mana-mana ubat tertinggal selepas anda telah selesai rawatan anda. Anda juga harus membuang ubat lama selepas tarikh luput berlalu.

Simpan semua ubat jauh daripada kanak-kanak dan jangan berkongsi ubat anda dengan sesiapapun.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Pil berwarna kuning hingga kuning muda, berbentuk hati, disalut dengan filem dwicembung, dan satu garisan menegak di bahagian tengah kedua-dua belah.

Kandungan

Bahan aktif:

Bisoprolol Fumarate

Bahan tidak aktif:

Corn Starch, Deionized water, Microcrystalline cellulose (Avicel PH 101), Titanium Dioxide, Colloidal silicon dioxide, Polysorbate 80, Iron Oxide Yellow, Methylene Chloride, Polyethylene glycol 6000, Isopropyl Alcohol, Hydroxypropyl Methylcellulose, Dibasic Calcium Phosphate Powder Anhydrous (Fujicalin), Magnesium Stearate.

MAL NO.

MAL11010010A

Pengilang

Synmosa Biopharma Corporation,
Synmosa Plant, Taiwan
No.6, Kuang Yeh 1st Road, Hsin-Chu Ind. Park, Hsin Chu Hsien, Taiwan, R.O.C.

Pemegang Pendaftaran Produk

Apex Pharmacy Marketing Sdn Bhd
No. 2, Jalan SS13/5, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh Kemaskini

12 Oktober 2013